



Usahawan siswa jutawan muda UPM

BERGELAR Tokoh Usahawan Siswa 2025, Muhammad Hafidz Shahril Izwan merupakan usahawan berjaya, biarpun masih menuntut di menara gading.

Muhammad Hafidz merupakan pelajar, pengasas dan juga ketua pegawai eksekutif perniagaan berasaskan pakaian, Vertico yang ditubuhkan sejak empat tahun lalu.

Meskipun baru menginjak usia 22 tahun, namun penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Perniagaan Tani dengan kepujian di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu sangat gigih dalam dunia keusahawanan.

Di usia muda, dia bukan sahaja bergelar usahawan berjaya dengan memiliki sebuah wisma perniagaan sendiri, malah syarikat yang bermula secara kecil-kecilan itu kini mencatat pendapatan mencecah RM3 juta. Atas kegigihan dan semangat juang

“

Keluarga juga memberi inspirasi kepada saya kerana mereka turut menjalankan perniagaan. Ini membolehkan saya mendapat pendedahan lebih awal dalam dunia bisnes.”

tidak pernah putus asa dalam bisnes, dia yang mesra disapa Hafidz telah dinobatkan sebagai Tokoh Usahawan Siswa 2025 pada Anugerah Tokoh Siswa Negara anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di Putrajaya awal bulan ini.

Hasil kemenangan tersebut, pemuda kelahiran Bangi, Selangor itu membawa pulang trofi, sijil penghargaan, wang tunai RM2,000 dan geran mobiliti RM2,000.

Berpeluang menemu bual jutawan muda itu, pelbagai kisah menarik dikongsi kepada jejaka berkulit hitam manis itu kepada *K-Kampus*.

Menurut anak sulung daripada tujuh beradik itu, dia menceburkan diri dalam bidang keusahawanan sejak di bangku sekolah.

“Saya memulakan perniagaan secara kecil-kecilan di sekolah seperti menjual

rantai kunci dan nasi lemak.

“Keluarga juga memberi inspirasi kepada saya kerana mereka turut menjalankan perniagaan. Ini membolehkan saya mendapat pendedahan lebih awal dalam dunia bisnes,” katanya.

Mengulas mengenai jenama Vertico, dia berkata, segalanya bermula pada tahun 2021, ketika negara berdepan tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP).

Ketika itu, ramai anak muda termasuk pelajar sepertinya terkesan.

Namun, dia memilih untuk berusaha keluar dari zon tekanan dengan mencari peluang yang terhidang.

Jelasnya, dia bermula dengan menjadi ejen menjual baju edisi kemerdekaan.

Dari situ, Hafidz mula belajar tentang keberanian, kesungguhan serta menerima penolakan daripada orang.